



SIARAN AKHBAR

PIAM MENJAMIN BANTUAN DAN PEMROSESAN TUNTUTAN LANCAR KEPADA MANGSA BANJIR

Kuala Lumpur, 2 Disember 2024 – Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dengan ikhlasnya merakamkan rasa simpati kepada mereka yang terjejas akibat banjir besar baru-baru ini, terutamanya di negeri-negeri bahagian utara Semenanjung Malaysia. Dengan lebih 139,000 individu dipindahkan, kesan akibat banjir tahun ini adalah lebih teruk daripada yang berlaku pada 2014¹.

PIAM dan syarikat ahli kami komited untuk memainkan peranan penting dalam usaha menyokong mangsa banjir dengan memberikan bantuan secepat mungkin dengan cara mempercepatkan proses tuntutan.

Untuk mempercepatkan proses tuntutan, kami momohon kerjasama pemegang polisi yang terjejas untuk:

1. **Semak Polisi Anda:** Pastikan sama ada polisi kebakaran atau kenderaan anda ada tambahan perlindungan banjir. Walaupun polisi standard mungkin tidak melindungi kerosakan akibat banjir, ahli-ahli kami ada menawarkan perlindungan banjir pilihan.
2. **Dokumentasikan Kerosakan:** Ambil gambar atau video kerosakan harta benda dan barangan anda yang terlibat.
3. **Hubungi Syarikat Insurans Anda:** Hubungi penanggung insurans anda secepat mungkin untuk melaporkan kerugian dan memulakan proses tuntutan.
4. **Sediakan Dokumentasi yang Diperlukan:** Sediakan semua dokumen yang diperlukan, seperti bukti pemilikan, anggaran pembaikan, dan resit bagi sebarang perbelanjaan kecemasan.

Syarikat ahli PIAM komited untuk memberi sokongan kepada mangsa banjir:

1. **Pemprosesan Tuntutan yang Lancar:** Ahli-ahli kami mengutamakan pemprosesan tuntutan banjir untuk memastikan pembayaran secepat yang mungkin. Sesetengah syarikat insurans telah melaksanakan prosedur pemprosesan tuntutan yang dipercepatkan, dan ada juga yang menyediakan unit tuntutan mudah alih di lapangan untuk memperkemaskan proses tersebut.
2. **Sokongan pelanggan:** Ahli-ahli kami mempunyai pasukan sokongan pelanggan yang dedikasi untuk membantu mangsa banjir dengan tuntutan dan pertanyaan mereka. Untuk pemegang polisi komprehensif kereta, anda juga



boleh menggunakan aplikasi bantuan kerosakan tepi jalan digital melalui telefon dan laman web untuk mendapatkan bantuan segera termasuk penundaan.

Lindungi Diri Anda daripada Banjir Masa Hadapan:

Memandangkan banjir merupakan bencana alam semula jadi di Malaysia, dengan kekerapannya semakin meningkat setiap tahun akibat impak perubahan iklim, PIAM menggalakkan individu dan perniagaan untuk mengambil langkah proaktif untuk melindungi diri dan aset berharga mereka.

Semua syarikat ahli PIAM menawarkan perlindungan lanjutan untuk risiko banjir di bawah polisi kenderaan (komprehensif) dan kebakaran, tertakluk kepada premium tambahan. Jika anda memiliki polisi kenderaan (komprehensif) atau kebakaran sedia ada, anda mempunyai pilihan untuk memasukkan perlindungan banjir untuk melindungi harta benda dan barangan anda, tertakluk kepada premium tambahan dan budi bicara pengunderaitan (*underwriting*) insurans individu. Sila rujuk ejen atau broker insurans anda untuk runding cara bagi menilai perlindungan semasa anda dan mengenal pasti sebarang kekurangan.

Hubungi Siapa?

Sila hubungi penanggung insurans anda untuk mendapatkan bantuan dan sokongan.

No	Syarikat Insurans	Khidmat Pelanggan
1.	AIA General Berhad	Tel: 1300 – 88 – 1899 Emel: my.customer@aia.com Bantuan Auto: 1800-88-8733 Laman web: www.aia.com.my
2.	AIG Malaysia Insurance Berhad	Tel: 1800 – 88 – 8811 Emel: AIGMYCare@aig.com Bantuan Auto: 1800-886-990 Laman web: www.aig.my



3.	Allianz General Insurance Malaysia Berhad	Tel: 1300 – 22 – 5542 Emel: customer.service@allianz.com.my Bantuan Auto: 1-800-225-542 Laman web: www.allianz.com.my
4.	Berjaya Sampo Insurance Berhad	Tuntutan banjir untuk polisi bukan motor: 1-800-18-8010 Bantuan Auto Persendirian dan Komersial: 1-800-18-8033 Bantuan Auto Motorsikal: 1-300-88-2323 Khidmat Pelanggan: 1800–88–9933 (Isnin-Jumaat; 8:30am to 5:00pm (kecuali cuti umum)) Emel: customer@bsompo.com.my Laman web: www.berjayasompo.com.my
5.	Chubb Insurance Malaysia Berhad	Tel: 1800 – 88 – 3226 Emel: Inquiries.MY@chubb.com Bantuan Auto: 1300-88-0128 / 03 7989 0348 Laman web: www.chubb.com/my
6.	Etika General Insurance Berhad	Tel: 1300 – 13 – 8888 Emel: info@etika.com.my Bantuan Auto: 1-800-886-491 Laman Web: www.etika.com.my
7.	Generali Insurance Malaysia Berhad	Tel: 03 – 2170 8282 WhatsApp: 03 – 2034 9888 Emel: customer.service.gi@generali.com.my Bantuan Auto: 1800-222-262, atau www.generali.com.my/roadside-assistance (mobile app) Laman web: www.generali.com.my
8.	Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad	Khidmat Pelanggan: 1300 – 13 – 0088 Emel: gicare-my@greateasterngeneral.com Bantuan Auto: 03-76283722 / 03-76281523

		Laman web: www.greateasterngeneral.com.my
9.	Liberty General Insurance Berhad	Liberty Insurance Khidmat Pelanggan: 1 300 888 990 or 03-2619 9000 Emel: customer@libertyinsurance.com.my Bantuan auto: 1-800-88-5005 Laman web: www.libertyinsurance.com.my Kurnia Insurance Khidmat Pelanggan: 1-800-883-833 Emel: customer@kurnia.com Laman web: www.kurnia.com Am Assurance Khidmat Pelanggan: 1-800-886-333 Emel: customer@amassurance.com.my Laman web: www.amassurance.com.my
10.	Lonpac Insurance Berhad	Khidmat Pelanggan: 03 – 2262 8666/ 03-2723 7888 Emel: customerservice@lonpac.com Laman web: www.lonpac.com
11.	MSIG Insurance (Malaysia) Bhd	Khidmat Pelanggan: 1800-886-744 Emel: myMSIG@my.msiga.com Bantuan Rumah: 1-300-880-863 Bantuan Auto: 1-300-880-833

		Laman web: www.msig.com.my
12.	Pacific & Orient Insurance Co. Berhad	Khidmat Pelanggan: 03-2698-5033 WhatsApp: 019-325 3855 Emel: poi2u@pacific-orient.com Bantuan Auto: 1-300-80-8800 Laman web: www.poi2u.com
13.	Progressive Insurance Berhad	Khidmat Pelanggan: 1800-888-8458 WhatsApp: 018-211-8280 Emel: customercare@progressiveinsurance.com.my Bantuan auto: 1-800-888-928 Laman web: www.progressiveinsurance.com.my
14.	QBE Insurance (Malaysia) Berhad	Khidmat Pelanggan: 1300 – 88 – 4847 Emel: info.mal@qbe.com.my Bantuan Auto: 1800 88 8723 Laman web: www.qbe.com.my
15.	RHB Insurance Berhad	Khidmat Pelanggan: 1300 – 220 – 007 Emel: rhbi.general@rhbgroup.com Bantuan Auto: (+60)129324854 Laman web: www.rhbinsurance.com.my
16.	The Pacific Insurance Berhad	Khidmat Pelanggan: 1800 – 88 – 1629 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my Laman web: www.pacificinsurance.com.my
17.	Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad	Khidmat Pelanggan: 1800 -880-812 WhatsApp: +603-2027 8488



		Emel: letusknow@tokiomarine.com.my Bantuan auto: 1800-88-1301 / 03-2053 5800 Laman web: www.tokiomarine.com.my
18.	Tune Insurance Malaysia Berhad	Khidmat Pelanggan: 1800-885-753 Emel: hello.my@tuneprotect.com Bantuan Auto: 1 800 22 8863 Laman web: www.tuneprotect.com
19.	Zurich General Insurance Malaysia Berhad	Khidmat Pelanggan: 1300-888-622 Emel: callcentre@zurich.com.my Bantuan Auto: 1-300-88-5566/ WhatsApp: +603-7989 0345 Laman Web: www.zurich.com.my

Rujukan:

¹ Straits Times, 29 November 2024. Floods displace close to 139,000 people in Malaysia with death toll at 4. <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/floods-displace-122000-people-in-malaysia>

-END-

Mengenai Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)

Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) ialah persatuan perdagangan kebangsaan bagi semua syarikat insurans langsung dan reinsurans am berlesen di Malaysia. Pada masa ini, PIAM mempunyai 23 syarikat ahli. Maklumat lanjut tentang PIAM boleh diperolehi daripada laman webnya: www.piam.org.my

Hubungan Media:

Susanna G. Simon

Pendidikan Pengguna, PR dan Komunikasi Korporat

Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)

Tel : +603-2274 7399

Fax : +603-2274 5910

E-mel : susanna.simon@piam.org.my